

## **BUKU VS E-BUKU: TRANSFORMASI ERA DIGITAL**

**Nor Hazidah Awang**  
Perpustakaan  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
hazidah@um.edu.my

### **ABSTRACT**

*Technology has a polarization effect and it is something we should accept. Those who are skilled will continue to compete in line with technology development. The e-book is one of the technology which will change the format of information. This article will look into the usage of books and e-books.*

### **ABSTRAK**

*Teknologi mempunyai kesan polarisasi dan ia adalah sesuatu yang harus diterima. Mereka yang berkemahiran akan terus bersaing seiring dengan pembangunan teknologi. E-buku merupakan salah satu teknologi yang berupaya mengubah bentuk maklumat. Mungkin sebelum ini kita tidak pernah terfikir akan kewujudan teknologi seperti ini. Artikel ini akan mengupas tentang penggunaan buku dan e-buku.*

**Katakunci:** E-buku; Buku bercetak; Perpustakaan; Teknologi maklumat

### **PENGENALAN**

Keghairahan dalam mengejar atau merealisasikan kehendak dalam dunia digital pada masa kini telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada kaedah mendapatkan maklumat. Pengguna akan lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat yang lebih pantas dengan mengguna teknologi tersedia dan maklumat tanpa batasan melalui Internet berbanding dengan kaedah mendapatkan maklumat secara tradisional yang memakan masa dan agak terbatas. Walau bagaimanapun, penggunaan e-buku tidak semudah penggunaan buku bercetak. E-buku mengandungi aturcara, format dan kaedah tertentu yang harus diketahui sebelum pengguna boleh memulakan pembacaan. Umumnya, pengguna perlu mempunyai pengetahuan asas tentang kaedah membaca e-buku tersebut. Justeru, sejauh manakah penggunaan e-buku mempengaruhi kaedah mendapatkan maklumat boleh dikenalpasti dengan mengenali tren pengguna sekarang. Selain itu, perbandingan, ciri-ciri, kelebihan dan

### **Nor Hazidah Awang**

kekurangan buku dan e-buku perlu juga dilihat sebagai faktor yang menyumbang ke arah perubahan kaedah mendapatkan maklumat.

Istilah buku boleh dirujuk sebagai helaian kertas berjilid yang mempunyai tulisan dan sebagainya untuk dibaca atau yang mengandungi ruangan kosong untuk ditulis (Kamus Dewan, 2007). Manakala, e-buku atau buku elektronik adalah sejenis medium penyampaian maklumat yang merujuk kepada penggunaan data elektronik sebagai buku yang mengandungi pelbagai maklumat. E-buku terdapat dalam bentuk berbayar dan juga secara percuma. Kebanyakan e-buku ini didatangi dalam bentuk fail *.pdf* atau seumpamanya bagi memudahkan setiap individu membacanya di komputer atau peranti khas (Wikipedia, 2010). Jenis format fail e-buku juga terdiri daripada pelbagai format seperti *\*.htm*, *\*.txt*, *\*.doc*, dan *\*.pdf*.

Perbincangan awal mengenai e-buku sebagai alternatif kepada buku bercetak bermula sejak 1990-an dengan terhasilnya peranti e-buku yang pertama (Godwin-Jones, 2003). Walaupun harga peranti e-buku pada awalnya agak mahal (lebih kurang USD500), ia masih dianggap murah berbanding dengan harga komputer riba yang agak berat dan tidak semudah peranti e-buku untuk dibawa ke mana-mana. Dengan saiz yang kecil, peranti tersebut mampu menyimpan banyak e-buku berbanding dengan sejumlah buku bercetak yang agak berat. Sebaliknya, idea mencipta peranti e-buku adalah untuk menghasilkan versi komputer riba yang lebih mesra pengguna (Beckett, 2003). Sasaran awal e-buku adalah bagi golongan profesional kerana mereka merupakan kumpulan yang paling banyak membaca dan memerlukan capaian maklumat dihujung jari (Ellen, 2005). Oleh itu, seiring dengan perkembangan e-buku, kita perlu mengetahui bagaimana pengguna menggunakan teknologi e-buku ini. Adakah mereka selesa menggunakanannya atau sebaliknya? Adakah ia masih dipelopori oleh golongan profesional sahaja atau tren sudah berubah menjadikan penggunaannya juga tersebar atau popular ke segenap lapisan masyarakat?

Menurut Schilit (1999), penggunaan e-buku harus dilihat dari dua aspek, sama ada pembaca pasif itu atau aktif. Pembaca pasif melibatkan pembacaan yang lebih cenderung kepada pembacaan santai seperti buku fiksyen, novel, komik, majalah, emel dan kumpulan berita (*newsgroup*). Manakala pembacaan aktif melibatkan pemikiran kritis seperti pembelajaran dan membuat keputusan. Ia juga termasuk penglibatan pembaca semasa membaca seperti mencatat nota dan menanda (*highlight*) fakta penting. Biasanya ia melibatkan pembacaan yang melebihi dua mukasurat dan pembaca perlu menyelak banyak halaman untuk mendapatkan

## **Buku vs E-buku**

maklumat. Fakta ini disokong oleh Zawiyah Baba (2008), yang menyatakan bahawa pengguna membaca untuk tujuan berbeza iaitu untuk pengajian akademik, mengisi masa lapang, hiburan atau bersantai, mencari maklumat atau menambah ilmu. Pembaca menggunakan kaedah berbeza untuk membaca jenis teks yang berbeza dengan tujuan berbeza. Contohnya, sesetengah orang lebih gemar menggunakan skrin komputer untuk mendapatkan maklumat, manakala ada yang lebih gemar membaca buku bercetak untuk tujuan bersantai seperti membaca novel.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Noorhidawati (2008) pula, faktor paling popular yang menyebabkan pengguna menggunakan e-buku adalah untuk “mencari bahan yang relevan”. Ini bermakna, e-buku tidak dibaca secara keseluruhan, tetapi pengguna lebih cenderung menggunakanannya untuk tujuan rujukan dan secara terpilih. Ini bermakna, sekiranya dilihat hasil daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik tersebut, dapat dikenalpasti bahawa penggunaan e-buku lebih popular di kalangan pembaca aktif, iaitu untuk mencari bahan yang relevan. Buku bercetak pula lebih sesuai digunakan untuk tujuan bersantai.

### **KELEBIHAN DAN KEKURANGAN BUKU VS E-BUKU**

E-buku mempunyai banyak kelebihan yang memberikan kemudahan kepada pembaca untuk membawanya ke mana-mana tempat tanpa beban yang berat. Memandangkan ianya adalah data elektronik, saiz dan berat e-buku ini adalah jauh lebih ringan jika dibandingkan dengan buku bercetak yang berada di pasaran. Sekiranya satu e-buku mempunyai saiz 7 MB, kira-kira 100 e-buku boleh disimpan dalam satu CD (Wikipedia, 2010).

Ciri-ciri e-buku yang mudah seperti *hyperlink* dan pencarian kata kunci mampu menjadikan e-buku sebagai rujukan yang menarik untuk koleksi rujukan seperti kamus, ensiklopedia atau buku teks. Pengguna tidak perlu menyelak helaian demi helaian mukasurat dan mencari makna perkataan secara satu persatu. Contohnya, jika pengguna hendak mencari perkataan “*Tamadun*” pengguna perlu menyelak helaian yang bermula dengan huruf “T”, seterusnya mencari “*Tam..*” untuk membolehkan perkataan “*Tamadun*” ditemui. Berbeza dengan penggunaan e-buku atau lebih tepat lagi, e-kamus. Pengguna hanya perlu menaip perkataan tersebut dan hasil carian boleh diperolehi dalam masa beberapa saat sahaja.

Namun, disebalik kelebihan yang ada, e-buku juga mempunyai beberapa kekurangan. Memandangkan e-buku mesti dibaca menggunakan peranti tertentu, ia lebih terdedah kepada beberapa masalah teknikal. Antaranya, kegagalan perisian

**Nor Hazidah Awang**

berfungsi, serangan virus, ketiadaan bekalan elektrik atau kehabisan bateri. E-buku yang terdiri daripada pelbagai format juga mungkin tidak dapat dibaca pada masa akan datang kerana perubahan format. Format yang terdapat dalam e-buku tersebut akan dianggap usang dengan adanya format baru yang lebih terkini dan sentiasa dikemaskini. Sebaliknya, perkara ini tidak berlaku pada buku bercetak. Ia masih boleh dibaca walaupun teknologi berubah.

Jadual 1: Ringkasan Perbandingan ciri-ciri buku vs e-buku

Bil.	Buku	E-buku
1.	Mudah didapati	Didapati di Internet atau kiosk
2.	Mudah dibawa	Mudah dibawa tetapi memerlukan kos lain untuk membeli peranti e-buku. Pengguna boleh membawa lebih dari satu buku dalam satu peranti.
3.	Statik iaitu apa yang dicetak pada buku tersebut, itulah yang akan dilihat atau baca oleh pembaca	Interaktif serta mudah dibaca kerana pengguna boleh mengubah-suai saiz tulisan atau gambar mengikut kesesuaian
4.	Kurang kesan yang boleh menyebabkan kelesuan mata	Mata cepat lesu disebabkan pancaran skrin peranti e-buku
5.	Pengguna perlu menanda atau menulis pada buku sekiranya ingin mencatat nota atau catatan	Pengguna boleh memasukkan nota sekiranya perlu
6.	Memerlukan pencahayaan yang baik dan tidak boleh membaca dalam keadaan gelap	Memerlukan pencahayaan yang minima kerana peranti e-buku membolehkan pengguna membaca dalam gelap
7.	Tidak memerlukan kuasa bateri atau elektrik. Oleh itu, mudah dibawa dan sedia untuk digunakan	Memerlukan kuasa bateri atau elektrik. Penggunaannya agak terbatas sekiranya tiada sumber tenaga tersebut
8.	Menggunakan “kandungan” dan “indeks” yang terdapat pada buku untuk mencari perkataan yang berkaitan dan ini memakan masa	Hanya perlu menaip katakunci yang hendak dicari atau membuat rujukan silang dengan pantas menggunakan <i>hyperlink</i> .

Walau bagaimana pun, buku boleh musnah sekiranya berlaku bencana kepada perpustakaan seperti kebakaran, tanah runtuh, banjir dan sebagainya. Ini akan mengurangkan bilangan buku dalam koleksi perpustakaan, manakala e-buku masih

### **Buku vs E-buku**

terselamat sekiranya terjadinya bencana kerana ia disimpan dalam talian. Koleksi buku bercetak boleh menyebabkan kerja untuk mencari dan mengesan buku/bahan yang tiada dalam simpanan memakan masa. Manakala, mencari maklumat bagi e-buku menjimatkan masa dengan adanya *e-bookshelf* yang mempunyai navigasi dan carian katakunci atau frasa untuk membolehkan carian bahan dibuat dengan lebih pantas dan tepat. Teks digital daripada e-buku boleh juga memperkayakan koleksi buku tersebut dengan adanya terjemahan dalam pelbagai bahasa. Dengan adanya perisian terjemahan, kerja menterjemah menjadi lebih mudah dan pantas. Digital teks daripada e-buku boleh terus dimasukkan dalam perisian tersebut.

Dari segi kos pula, penerbitan buku bercetak memerlukan kos yang tinggi, seperti kos kertas dan cetakan. Manakala, kos tersebut tidak diambil kira dalam penerbitan e-buku. Menurut Kleiman (2002), perkembangan e-buku belum lagi meluas sehingga ia benar-benar dapat menandingi buku bercetak. Namun, dengan peluang yang ada pada hari ini, ditambah pula dengan ciri-ciri baru e-buku yang dipertingkatkan dari masa ke semasa, ia sekurang-kurangnya mampu memperkenalkan e-buku kepada masyarakat umum.

### **MANFAAT DAN CABARAN KEPADA PERPUSTAKAAN**

Buku bercetak boleh digunakan sebagai koleksi yang tak lapuk dek zaman. Walaupun ia memerlukan banyak ruang simpanan, ia merupakan sesuatu yang perlu ada bagi mewujudkan sebuah perpustakaan. Koleksi buku boleh sentiasa digunakan dan tidak bergantung kepada perubahan teknologi. Contohnya, perisian pengoperasian *Windows* yang dipasang dalam komputer perlu sentiasa dipertingkatkan seiring dengan perkembangan teknologi. Dengan adanya versi terbaru, *Windows 7*, *Windows 97* dianggap ketinggalan zaman. Samalah juga halnya dengan e-buku yang akan berubah seiring dengan perkembangan teknologi.

Perpustakaan juga mendapat manfaat daripada teknologi ini buku yang berada dalam e-buku akan sentiasa tersedia dalam talian. Contohnya, buku bertajuk *Macroeconomics* oleh Robert J. Barro yang diperolehi melalui NetLibrary dicapai sebanyak 310 kali antara 1 Januari 2001 hingga 31 May 2001. Penggunaan tajuk sekerap ini agak mustahil berlaku sekiranya buku tersebut dalam bentuk bercetak (Henke, 2003). Namun, statistik yang diperolehi dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia merekodkan 1,317,991 kunjungan pengguna sementara perkhidmatan sirkulasi pula melibatkan pinjaman sejumlah 366,947 buah buku pada tahun 2009 (Laporan Tahunan Perpustakaan, 2009). Ini menunjukkan satu angka yang tinggi

**Nor Hazidah Awang**

dan pengguna masih berminat untuk datang ke perpustakaan walaupun koleksi dalam bentuk e-buku telah tersedia.

Penting untuk kita mengetahui sejauh manakah tahap penggunaan e-buku yang dilanggan oleh perpustakaan. Adalah tidak bermanfaat sekiranya perpustakaan hanya membekalkan keperluan tersebut tetapi tahap penggunaan amat rendah kerana pengguna tidak biasa menggunakannya. Menurut Zawiyah Baba (2008), cabaran kepada pustakawan adalah untuk menjadikan e-buku dan peranti pembaca e-buku mudah didapati dan tersedia untuk digunakan dengan memberi galakan serta tunjuk ajar kepada pengguna tentang cara penggunaannya. Pengguna akan cara-cara penggunaannya, seterusnya menggunakan sepenuhnya kemudahan yang tersedia serta mengenali kaedah yang lebih efektif untuk membaca. Pustakawan juga harus memilih bukan hanya e-buku terbaik, terutama buku yang tidak terdapat dalam koleksi perpustakaan, tetapi perlu memilih perisian bacaan, peranti atau peralatan yang membenarkan pengguna memanfaatkan sepenuhnya teknologi serta meningkatkan pengalaman pembaca.

Jadual 2: Statistik penggunaan e-buku : Januari - Disember 2009 di Perpustakaan UM  
(Sumber: Bahagian Perolehan, Perpustakaan Universiti Malaya)

E-brary	Kekerapan penggunaan
E-brary	13,633
Hart e-book	567
Springer e-book	23,284
Science Direct e-book	367,990
Jumlah	405,474

Jadual 3: Statistik penggunaan e-buku : Januari - Disember 2009 di Perpustakaan USM  
(Sumber:[http://www.lib.usm.my/equip-usm/custom/LAPORAN\\_TAHUNAN\\_PERPUSTAKAAN\\_2009-EDIT.pdf](http://www.lib.usm.my/equip-usm/custom/LAPORAN_TAHUNAN_PERPUSTAKAAN_2009-EDIT.pdf))

E-buku	Kekerapan penggunaan
E-brary	44,108
IGI eBook	587
Springer e-book	85,906
SIAM eBook	6,218
Elsevier eBooks	30,278
Books 24 x 7	949

### **Buku vs E-buku**

SAGE eReference	548
Gale GVRL eBooks	1,031
Wiley e-books	3,906
Jumlah	173,531

Namun, berdasarkan statistik (Jadual 2 dan 3) yang diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, rata-rata menunjukkan jumlah penggunaan kebanyakan e-buku yang dilanggan amat menggalakkan. *Science Direct e-book* mendapat capaian paling tinggi (367,990 capaian) antara Januari hingga Disember 2009 bagi Perpustakaan Universiti Malaya. Manakala, bagi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia pula, *Springer e-book* merupakan e-buku yang paling kerap dicapai dengan jumlah 85,906 capaian. Statistik berikut menunjukkan pengguna mahir menggunakan e-buku dan kerap menggunakannya.

### **KESIMPULAN**

Perkembangan e-buku dalam kepesatan pembangunan teknologi masih memberi ruang kepada buku bercetak untuk terus berada di pasaran. Namun apa yang mungkin berubah adalah tren pasaran buku bercetak rentetan daripada penggunaan e-buku. Apa yang dapat disimpulkan di sini adalah, penggunaan buku bercetak dan e-buku saling melengkapi antara satu sama lain kerana masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Kedua-duanya relevan digunakan, bergantung kepada kehendak dan citarasa pengguna.

Buku bercetak akan terus menjadi sesuatu yang boleh dibangunkan sebagai satu koleksi. Contohnya, buku *coffee table* tidak akan boleh diganti dengan menggunakan e-buku kerana ciri-ciri buku tersebut membuat ianya unik. Walaupun maklumat dalam bentuk digital mampu mengurangkan kos percetakan dan kertas, bagi sesetengah organisasi, penggunaan bahan bercetak mampu mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi. Pun begitu, kelebihan menggunakan bahan digital lebih terserah dalam aspek pengemaskinian maklumat. Contohnya, mengemaskini dokumen teknikal lebih mudah sekiranya dokumen tersebut dalam bentuk digital. Ia tidak perlu dicetak secara berulang, sekaligus mampu menjimatkan kos. Begitu juga halnya dengan buku teks pelajar. Pelajar tidak perlu membeli buku teks yang baru setiap kali buku tersebut dikemaskini. Apa yang perlu dilakukan hanyalah mencapainya dalam talian dengan memuatnaik versi terkini. Ringkasnya, sama ada buku, maupun e-buku, kedua-duanya memberikan pengalaman dan nikmat membaca yang berbeza.

**Nor Hazidah Awang**

## **RUJUKAN**

- Beckett, R. 2003. Communication ethics: Principle and practice. *Journal of Communication Management*. Vol. 8, no. 1: 41-52.
- Coeus. n.d. *Ebooks versus paper books: The pros and cons* 86. Diperolehi 18 Mei 2010 dari <http://hubpages.com/hub/Ebooks-Versus-Paper-Books-The-Pros-and-Cons>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- E-buku*. n.d. Diperolehi Mei 28, 2010, dari <http://ms.wikipedia.org/wiki/E-buku>
- Ellen V. Hage. 2005. *E-book technology: The relationship between self-efficacy and usage levels across gender and age*. Diakses pada 18 Mei 2010 dari Proquest Database
- Godwin-Jones, R. 2003. E-Books and the tablet PC. *Language, Learning & Technology*. Vol. 7, no. 1: 4.
- Hence, H. 2003. *Consumer survey on e-books*. Diakses pada 18 Mei 2010 dari <http://www.openebook.org>
- Kleinman, S. 2002, Jun. *Print books vs. digital ebooks*. Diakses pada 18 Mei 2010 dari <http://www.palmpower.com/issues/issue200206/ebook0602001.html>
- Laporan Tahunan Perpustakaan 2009*. 2009. Diakses pada 20 Mei 2010 dari [http://www.lib.usm.my/equipusm/custom/LAPORAN\\_TAHUNAN\\_PERPUSTAKAAN\\_2009-EDIT.pdf](http://www.lib.usm.my/equipusm/custom/LAPORAN_TAHUNAN_PERPUSTAKAAN_2009-EDIT.pdf)
- Noorhidawati, A and Gibb, F. 2008. How students use e-book: reading or referring? *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Vol.13, no.2: 1-14.
- Schilit, B. 1999. *Why e-read? Finding opportunities in the merger of paper and computers*. Diakses pada 18 Mei 2010 dari <http://www.futureprint.kent.edu>
- Zawiyah Baba. 2008. Nurturing a culture of learning and reading in a virtual environment. *Jurnal PPM*, Vol. 2: 1-17.